

22 NOVEMBER 2017

'Orang tengah' diberkas bersama ekstasi RM530,000

UTUSAN MALAYSIA • RABU 22 NOVEMBER 2017

'Orang tengah' diberkas bersama ekstasi RM530,940

MUAR 21 Nov. - Polis daerah ini berjaya melumpuhkan rangkaian pengedaran dadah dengan tertangkapnya seorang lelaki dipercayai orang tengah yang menjadikan sebuah rumah di Jalan Abdul Rahman, di sini sebagai lokasi transit.

Dalam serbuan kira-kira pukul 2 pagi semalam, suspek berusia 23 tahun itu tinggal seorang diri di rumah berkenaan dan dipercayai baharu kali kedua melakukan kerja itu.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, serbuan tersebut berjaya menemukan 18 bungkusan lutsinar dipercayai pil ekstasi berjumlah 17,698 biji yang berada dalam sebuah beg.

Menurutnya, dadah tersebut dianggarkan mencecah nilai RM530,940 yang dipercayai banyak diedarkan di pusat-pusat hiburan.

"Polis tidak menolak kemungkinan suspek adalah orang tengah yang menjadikan rumah tersebut sebagai tempat transit bekalan dadah berkenaan sebelum ia dihantar ke lokasi lain.

"Polis melakukan intipan kira-kira 12 jam sebelum menyerbu rumah tersebut berdasarkan maklumat dan risikan Jabatan



ZAHARUDIN RASIP (tengah) menunjukkan bungkusan pil ekstasi yang disembunyikan dalam beg di IPD Muar, Johor, semalam.

Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu pejabat Polis Daerah Muar," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Zaharudin memberitahu, serbuan tersebut merupakan kejayaan terbesar polis bagi tahun ini dan berupaya menumpaskan sindiket pengedaran yang berlaku di daerah ini.

Ujarnya, suspek yang juga seorang penganggur positif meth-

amphetamine dan kini direman sehingga Ahad depan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1)(a) akta sama.

"Suspek juga tiada rekod lampau berkaitan dadah atau jenayah. Polis juga masih menyiasat dari mana bekalan ini dibawa masuk dan ke mana ia akan diedarkan," katanya.